# Taklimat Teknik Menjawab Soalan Pendidikan Moral KSSM SPM

## 1. Format Kertas Pendidikan Moral KSSM SPM (1225) 道德考试格式

| Bhg | Jenis Soalan | Jenis Jawapan | Jumlah Markah | Peruntukan Masa |
|---|---|---|---|---|
| A | **5 Soalan Struktur** 5 题短文作答 | **Konsep / Ciri / Prinsip / Dimensi Moral** / Huraian / kesan / langkah / sebab / cara / faktor / perasaan / tindakan / keputusan dan sebagainya | **50 markah** (setiap soalan struktur diperuntukan 10 markah) | **50 minit** (setiap soalan 10 minit) |
| B | **2 Soalan Esei pendek** 2 题短篇作文 (Jawab 1 soalan) 选答一题 | **Dimensi moral** / **Nilai** / Huraian / pengajaran / keputusan / alasan / perasaan / tindakan dan sebagainya | **10 markah** | **20 minit** |
| C | **2 Soalan Esei Panjang** 2 题长篇作文分成四题分支题 (terdapat pecahan soalan a & b) | **Dimensi moral** / **Nilai** / Huraian / pengajaran / keputusan / alasan / perasaan / tindakan dan sebagainya | **40 markah** | **70 minit** (setiap soalan 35 minit) |
| | | **Jumlah** | **100 markah** | **150 minit (2½jam)** |

**10 minit yang lebihan digunakan untuk pembacaan soalan pada permulaan peperiksaan, penulisan 18 singkatan nilai, dan semakan terakhir.**

## 2. Pengenalan kepada Kandungan Pembelajaran Penididkan Moral Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 中四中五道德课程纲要

| Unit | Tingkatan 4 (lokal) 国内 | Tingkatan 5 (global) 国际 |
|---|---|---|
| **BIDANG 5 : INSAN BERMORAL 有道德的人** | | |
| 1 | Norma Masyarakat 社会规则 Pemangkin 催化 Kesejahteraan | Norma Masyarakat Global Membentuk Keharmonian Sejagat 全世界 |
| 2 | Peribadi Mulia Hiasan Diri | Ukir Nama di Mata Dunia, Jati Diri Berpisah Tiada |
| 3 | Prinsip Keadilan dan Keprihatinan dalam Membuat Keputusan | Kerohanian Membentuk Individu Bermoral |
| 4 | Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Secara Beretika | Penggunaan Sumber dan Penyebaran Maklumat demi Kesejahteraan Sejagat |
| **BIDANG 6 : JATI DIRI MORAL 自我道德特性** | | |
| 5 | Mantap Integriti Mantaplah Jati Diri | Integriti Pemacu Kecemerlangan Organisasi |
| 6 | Keluarga Integriti Keluarga Disegani | Pembangunan Negara Bertunjangkan Integriti |
| 7 | Berperikemanusiaan Membentuk Masyarakat Sejahtera | Berperikemanusiaan Pemangkin 催化 Kesejahteraan Global |
| **BIDANG 7 : MORAL DAN KENEGARAAN 道德与国家** | | |
| 8 | Hak dan Tanggungjawab Warganegara | Penglibatan Diri Peneraju Komuniti |
| 9 | Perpaduan Masyarakat Asas Kemakmuran Negara | Kerjasama Masyarakat Global |
| 10 | Pengurusan Perbelanjaan 开销管理 Secara Beretika | Pengurusan Kewangan 财务管理 Secara Beretika Menjamin Keharmonian Hidup |
| 11 | Keunikan Rakyat Malaysia | Malaysia Unggul 杰出 di Mata Dunia |
| 12 | Kedaulatan Negara Tanggungjawab Bersama | Malaysia dalam Hubungan Antarabangsa |

## 3. Pengenalan kepada 18 nilai universal Pendidikan Moral KSSM 18 个道德价值观

**18 NILAI UNIVERSAL PENDIDIKAN MORAL KSSM**

| Bil | Nilai | Kata kunci nilai |
|---|---|---|
| 1 | **Kepercayaan kepada Tuhan 信奉上苍** | Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala ajaran berlandaskan pegangan agama atau kepercayaan masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara. |
| 2 | **Bertanggungjawab 负责任** | Kesanggupan diri seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna. |
| 3 | **Berdikari 自立** | Kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanpa bergantung kepada orang lain. |
| 4 | **Harga Diri 自尊** | Keupayaan dan keyakinan diri agar mampu memulia dan menjaga maruah diri dalam kehidupan. |
| 5 | **Kerajinan 勤勉** | Usaha yang berterusan bersungguh-sungguh dan berdedikasi dalam melakukan sesuatu. |
| 6 | **Berterima kasih 感谢** | Perasaan dan perlakuan untuk menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan. |
| 7 | **Patriotisme 爱国** | Bangga dan taat setia kepada raja dan negara. |
| 8 | **Kebebasan 自由** | Bebas melakukan sesuatu tertakluk kepada peraturan dan undang-undang. |
| 9 | **Keberanian 勇敢** | Kesanggupan untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah. |
| 10 | **Kejujuran 诚实** | Bercakap benar, bersikap amanah dan ikhlas dalam setiap perlakuan. |
| 11 | **Rasional 理智** | Boleh berfikir berdasarkan alasan atau bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan yang wajar. |
| 12 | **Baik hati 好心 / 善良** | Kepekaan terhadap keperluan dan kebajikan diri, dan orang lain dengan memberi bantuan serta sokongan moral secara ikhlas. |
| 13 | **Hemah Tinggi 崇高的品德** | Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam pergaulan seharian. |
| 14 | **Hormat 尊敬** | Menghargai dan memuliakan seseorang serta menghormati peraturan insitusi sosial. |
| 15 | **Kasih Sayang 仁爱** | Kepekaan dan perasaan cinta yang lahir daripada hati yang ikhlas. |
| 16 | **Kerjasama 合作** | Melakukan sesuatu bersama-sama untuk kebaikan semua. |
| 17 | **Kesederhanaan 中庸之道** | Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan atau perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain. |
| 18 | **Toleransi 互相忍让 / 容忍** | Kesanggupan bertolak ansur, sabar dan mengawal diri bagi mengelakkan berlakunya pertelingkahan dan perselisihan faham demi kesejahteraan hidup. |

| | |
|---|---|
| **8K :** | **1. Kepercayaan kepada Tuhan, 2. Kasih sayang, 3. Kerajinan, 4. Kejujuran, 5. Keberanian, 6. Kebebasan, 7. Kerjasama, 8. Kesederhanaan** |
| **4B :** | **1. Bertanggungjawab, 2. Berdikari, 3. Baik hati, 4. Berterima kasih** |
| **3H :** | **1. Hormat, 2. Hemah tinggi, 3. Harga diri** |
| **RPT :** | **1. Rasional, 2. Patriotisme, 3. Toleransi** |

**8K 4B 3H RPT**

## 4. Contoh format soalan Moral bahagian A, bahagian B dan bahagian C



**Bahagian A (5 soalan struktur – 50%) A 项 : 短文题目 (共有 5 题 -50%)**

1 Bahagian ini terdiri dari 5 soalan struktur dan diperuntukkan 10 markah untuk setiap soalan struktur. 这个部分共有 **5** 题短文题目,每一题是 **10** 分**.**

2 Calon mesti **membaca setiap soalan dengan teliti** untuk mengetahui kehendak soalan dan **markah yang diperuntukkan**. 同学们必须小心阅读题目并留意分数**.**

3 Terdapat beberapa **pecahan soalan** dalam 1 soalan struktur yang terdiri dari 1 markah minima dan 5 markah maksima. 每一题短文作答题目都有几题的分枝题，分数最低 **1** 分最高 **5** 分**.** 最后每一题的短文题目的总分是 **10** 分.

4 Contoh pecahan soalan yang ditanya di **bahagian A. A** 项短文题目分支题例子

**A. Contoh soalan yang berkaiatan dengan konsep 概念 / prinsip 原则 / ciri 特征**

| Bil | Contoh soalan | Contoh jawapan |
|---|---|---|
| 1 | **Takrifkan norma masyarakat. [2m]** | **Norma masyarakat** ialah perilaku atau Tindakan yang diterima sebagai amalan dalam sesuatu kelompok, komuniti atau budaya |
| 2 | **Definikan maksud perikemanusiaan. [2m]** | **Perikemanusiaan** ialah sifat yang wajar bagi manusia seperti bertimbang rasa, tolong menolong dan mengasihani. |
| 3 | **Apa itu individu glokal ? [2m]** | **Individu glokal** ialah seseorang yang mampu berdaya saing pada peringkat global tetapi berakar umbi atau berpegang teguh pada jati diri lokal / tempat tumpah darah sendiri. |
| 4 | **Nyatakan ciri individu yang mempunyai nilai kerohanian. [2m]** | **i. Saling menghormati**<br>**ii. Berani menegakkan kebenaran**<br>**iii. Adil**<br>**iv. Berpegang teguh pada ajaran agama / kepercayaan**<br>**v. Jujur**<br>**vi. Sayangi diri**<br>vii. **Bersyukur dengan kehidupan** |
| 5 | Perbuatan Hao Jie menunjukkan dia ialah individu yang mempunyai nilai kerohanian dalam membuat keputusan. **Jelaskan ciri nilai kerohanian** yang terdapat di dalam diri Hao Jie. [4m] | i. Hao Jie ialah seorang yang **jujur**. Kerana dia tahu duit itu bukan haknya / kerana dia memulangkan duit yang dijumpai kepada polis / Hao Jie tahu tindakan tersebut menyalahi peraturan dan undang-undang.<br>ii. Hao Jie **berpegang teguh kepada ajaran agama / kepercayaan.** Hao Jie berbuat baik dan menjauhi perbuatan mencuri / kerana perbuatan mencuri adalah dilarang oleh agama.<br>iii. Hao Jie **bersyukur dengan kehidupan**. Dia tidak menggunakan duit yang dijumpai / kerana dia menerima apa yang dia ada.<br>iv. Hao Jie **sayangi diri**. Kerana dia tidak mahu maruah / imejnya terjejas jika mengambil duit bukan miliknya. |

**Jawapan : Terima mana-mana 2 fakta + 1 huraian / 1 fakta + 2 huraian = 3m. 1 个特征 + 2 个解释 / 2 个特征 + 1 个解释 = 3 分**

## B. Contoh soalan berkaitan dengan pengetahuan am yang mempunyai jawapan tetap 拥有固定答案的常识问题

| Bil | Contoh soalan | Contoh jawapan |
|---|---|---|
| 1 | Namakan **mahkamah** 法庭 yang mengadili kes jenayah berat. [1m] | **Mahkamah Tinggi / Mahkamah rayuan** |
| 2 | Nyatakan **portal rasmi** 官方网站 yang menyemak kesahihan maklumat. [1m] | **SEBENARNYA.MY** |
| 3 | Apakah **akta** 法令 yang berkuatkuasa untuk melindungi kanak-kanak ? [1m] | **Akta Kanak-kanak** |
| 4 | Nyatakan **pertubuhan antarabangsa** yang memperjuangkan peningkatan taraf kesihatan manusia sejagat. [1m] | **Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)** |
| 5 | Memiliki dokumen sah sebagai rakyat sesebuah negara adalah hak warganegara. **Namakan dokumen sah** tersebut. [1m] | **Kad penganalan / Mykad / Sijil Beranak / sijil kelahiran / Passport Malaysia** |
| 6 | Namakan **agensi** 政府团体 yang boleh membantu mangsa banjir. [1m] | **Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APAM) / Polis Diraja Malaysia (PDRM) / St. John Ambulan Malaysia / Perstuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM) / RELA / Jabatan Sukarelawan Malaysia / MERCY /** Tzu Chi |

***** Bentuk soalan dalam contoh A dan B di atas, jawapannya mesti tepat, calon tidak boleh ubah jawapan atau perkataan yang diberi.** 上面提到的 **2** 种题目,答案已经规定好了.同学们一定要写出一模一样的答案才可以拿到分数.

## C Contoh soalan struktur yang berkaitan dengan isi kandungan akademik / isu-isu semasa 时事 / pengetahuan am 常识 :

1 **Apa** 什么 **/ kenapa / mengapakah** 为什么 **/ bagaimana** 怎么样 **/**如何**?**

2 **Ciri 特征 / tatacara 程序** / sebab 原因 / kepentingan 重要性 / kesan 后果 / cabaran 挑战 / langkah 方法 / tindakan 行为 / **akta** 法令 /..........

****Jawapan calon dalam bentuk memberikan ciri 特征 / tatacara 程序 / sebab 原因 / kepentingan 重要性 / Kesan 后果 / cabaran 挑战 / langkah 方法 / tindakan 行为 / akta /..........yang memjawab kehendak soalan.**

**Contoh 1 :** **Nyatakan** 预测 **kesan** pengabaian norma masyarakat dalam kehidupan seharian. [2m]

Jawapan :

i. **Bersikap individualistik**
ii. **Manusia kurang beradab**
iii. **Hubungan sosial terjejas**
iv. **Menjejaskan keharmonian masyarakat** [ms 6-7 NM T4]

**Jawapan : 2 kesan 后果. Calon boleh tulis lebih dari 2 kesan.**同学们可以写超过 **2** 个答案.

**Contoh 2 :** Program komuniti merupakan tindakan sukarela yang memberi peluang kepada individu untuk memikul tanggungjawab kemasyarakatan.
Bincangkan program komuniti yang pernah anda menyertai. [4m]

Jawapan :

i **Bantuan fizikal.** Saya pernah membantu membina infrastruktur di balai raya / rumah ibadat / kemudahan awam / .....

ii **Pembangunan perlancongan.** Saya pernah membantu dalam program inap desa / sistem tagal / perusahaan kecil dan sederhana.

iii **Bantuan kemanusiaan.** Saya pernah **menjadi sukarelawan** 义工/ memberi khidmat nasihat / melibatkan diri dalam program ramah mesra

Iv **Kelestarian alam.** Saya pernah melibatkan diri dalam **gotong royong / penanaman pokok / penempatan haiwan terbiar / aktiviti kitar semula** 环保

V **Aktiviti riadah.** Saya pernah terlibat dalam **larian amal** 义跑 **/ sukaneka komuniti**

vi **Program kesihatan.** Saya pernah terlibat dalam **kempen menderma darah** 捐血运动 **/ kempen antidadah** 反毒运动 / kempen saringan kesihatan.

[ms 44 NM T5]

**Jawapan : 1 aktiviti + 3 huraian / 2 aktiviti + 2 huraian / 3 aktiviti + 1 huraian = 4m**
**1 个活动 + 3 个解释 / 2 个活动 + 2 个解释 / 3 个活动 + 1 个解释 = 4 分**

**Contoh 3i :** **Soalan berdasarkan gambar** 看图作答





Berdasarkan gambar di atas, namakan lambang negara Malaysia. [2m]

Jawapan :
**i. Jata negara**
**ii. Bunga kebangsaan / bunga raya**
**iii. Bendera Malaysia / jalur gemilang**

**Jawapan : mana-mana 2 lambang = 2m.** 任何 **2** 个标志 **= 2** 分**.**同学们可以把 **3** 个标志都写出来**.**

**Contoh 3ii :** **Soalan berdasarkan gambar** 看图作答

Berdasarkan gambar di atas, huraikan **kerjasama politik** 政治合作 Malaysia dengan pertubuhan antarabangsa tersebut. [5m]

Jawapan : **Komanwel.** Kerjasama politik Malaysia dengan Komanwel ialah Malaysia mendapat **bantuan Komanwel dalam melawan komanis**. **Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).** Kejasama Politik Malaysia dengan PBB ialah menyertai **misi pengaman dalam Perang Iran-Iraq**. Selain itu, Malaysia juga merupakan **anggota tidak tetap dalam Majlis Keselamatan** dalam menjaga keamanan dunia. **Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN).** Malaysia bekerjasama politik dengan ASEAN dalam **Zon yang Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)** iaitu mengelakkan campur tangan negara lain dalam hal ehwal politik ASEAN. Malaysia juga kerjasama politik dalam **Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ)** dalam ASEAN. Tujuannya adalah membebaskan rantau Asia Tenggara daripada percaturan politik kuasa besar dan ancaman senjata nuklear.

**Jawapan : 1 pertubuhan + 5H / 2 pertubuhan + 3H / 3 pertubuhan + 2H = 5m**
**1 个国际团体 + 5 个解释 / 2 个国际团体 + 3 个解释 / 3 国际团体 + 2 个解释 = 5 分**

**Contoh 4 :** **Soalan berdasarkan keratan akhbar.**



New Sabah Times SEMASA Isnin 28 Mac, 2011

OLEH MARRYAN RAZAN (marryan@newsabah-times.com.my)

# Masukkan bahaya dadah dalam mata pelajaran Pendidikan Moral: Jainab

**KOTA KINABALU: Pembantu Menteri Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat Datuk Jainab Ahmad mencadangkan agar pembelajaran tentang bahaya dadah diselitkan dalam sukatan mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah-sekolah di negara ini.**

Beliau berkata, ini penting bagi memberi kesedaran kepada golongan remaja mengenai bahaya dadah yang merupakan musuh nombor satu negara.

Bagaimanapun beliau berkata, kandungan pembelajaran itu mestilah dibuat secara teliti dan berhati-hati bagi memastikan ia tidak memberi kesan negatif.

"Saya menyokong pembelajaran bahaya dadah ini diajar di setiap sekolah di negara ini kerana kita mahu anak-anak muda mengetahui bahaya atau ancaman dadah di peringkat awal persekolahan lagi, sekaligus mendidik mereka menjadi insan yang berwibawa dan berguna.

"Tetapi ia dibuat secara teliti kerana kita tidak mahu orang-orang muda ini pula menjadi pengedar atau penagih dadah kerana adanya pengetahuan dan kemahiran yang mereka perolehi di sekolah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan program Outreach Klinik Pulih dan Rawat (Cure & Care) 1 Malaysia, di Taman Kuala Menggatal, di sini, kelmarin.

Jainab yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Karambunai berkata, kerajaan memandang serius masalah penyalahgunaan dadah di Sabah terutamanya pengambilan dadah jenis syabu.

"Berdasarkan laporan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), pengambilan dadah jenis syabu amat popular di kalangan golongan muda di negeri ini dan salah satu penyebabnya ialah kehadiran pendatang tanpa izin di negeri ini.

"Saya difahamkan banyak kawasan setinggan yang didiami pendatang tanpa izin dan menjadi sarang aktivti dadah. Oleh itu saya berharap semua pihak akan memberikan kerjasama untuk menangani masalah ini," katanya.

Mengikut statistik terbaru AADK, sehingga Februari tahun ini, seramai 1,564 penagih dadah termasuk 96 wanita di negeri ini masih dalam proses pemulihan dengan Sandakan mencatatkan angka tertinggi iaitu 492 kes, diikuti Tawau (224 kes) dan Kota Kinabalu sebanyak 112 kes.

Berdasarkan maklumat dari keratan akhbar di atas, **kenapa** dicadangkan bahaya dadah perlu dimasukkan dalam mata pelajaran Pendidikan Moral ? [3m]

Jawapan :
- **i. Kerana pelajar akan tahu kesan buruk jika terlibat dalam gejala dadah**
- **ii. Kerana pelajar akan tahu dadah boleh menjejaskan masa depan pelajar**
- **iii. Kerana pelajar akan tahu dadah boleh menjejaskan kesihatan pelajar**
- iv. **Kerana pelajar akan tahu penyalahgunaan dadah adalah salah di sisi undang-undang**

**Jawapan : 3 huraian tentang kenapa mesti belajar bahaya dadah dalam subjek moral = 3m**
**3 个解释 (3 分) 解释为何要把毒品危害放进道德教育的课程里.**

## D Contoh soalan struktur yang berkaitan dengan membuat keputusan 做出决定

- **i. Wajar / tidak wajar** 应该 / 不应该
- **ii. Setuju / tidak setuju** 赞成 / 不赞成
- **iii. Pilihan A / pilihan B** 选择 **A** / 选择 **B**

**Contoh 5i :** Adakah tindakan memburu haiwan itu wajar ? Kenapa ? [3m]
Jawapan : **Tidak wajar. Haiwan kepupusan. Manusia tidak berperikemanusiaan.**

**Jawapan : 1 keputusan + 2 huraian = 3m. 1 个决定 + 2 个解释 = 3 分. Jawapan MESTI tidak wajar. Kerana memburu haiwan adalah perbuatan yang kejam.**一定要写不应该**,**因为猎杀动物是没有人性的**.**

**Contoh 5ii:** Wajarkah kerajaan memansuhkan hukuman mati. Jelaskan jawapan anda. [4m]
Jawapan : **Tidak wajar.**
- i. **Kerana hukuman mati mandatori hanya akan dilaksanakan kepada penjenayah yang kejam.**
- ii. **Biasanya penjenayah kejam tidak mempunyai perikemanusiaan kerana jika mereka mempunyai perikemanusiaan, mereka tidak akan melakukan jenayah kejam.**
- **iii. Hukuman mati mandatori akan memberi pengajaran kepada ahli masyarakat supaya tidak terlibat dalam jenayah kejam.**
- **iv. Ahli masyarakat akan berfikir sebelum melakukan sesuatu tindakan.**

**ATAU**

**Wajar.**
- i. **Kerana terdapat jenis hukuman lain yang boleh dilaksanakan.**
- ii. **Contoh hukuman yang boleh dilaksanakan adalah penjara / denda / sebatan.**
- iii. **Penjenayah mungkin dianiayai oleh orang lain.**
- iv. **Penjenayah harus diberi peluang untuk mengubah jadi baik / insaf atas kesalahan yang dbuat.**

**Jawapan boleh wajar ATAU tidak wajar. 1 keputusan + 3 huraian = 4m.**
答案可以选择应该 / 不应该**. 1** 个决定 **+ 3** 个解释 **= 4** 分**.**

**Contoh 6 :** **Mengekalkan kedaulatan negara ialah tanggungjawab kerajaan Malaysia**

Setujukah anda dengan pernyataan di atas ? Kenapa ? [3m]

Jawapan : **Setuju**

i. **Kerajaan harus menguatkuasakan undang-undang untuk menjamin keselamatan / keamanan negara**
ii. **Kerajaan harus mengawal sempadan / kawasan perairan negara supaya tidak diceroboh oleh PATI (pendatang asing tanpa izin)**
iii. **Kerajaan harus menjatuhkan hukuman berat kepada mereka yang mengugat kedaulatan negara / menjatuhkan imej negara**

**ATAU**

**Tidak setuju**

i. **Rakyat harus sentiasa mematuhi kepada peraturan dan undang-undang negara / tidak melanggar undang-undang negara / menularkan sesuatu isu yang boleh menimbulkan huru hara negara**
ii. **Rakyat harus menjaga imej baik negara / tidak menjatuhkan imej negara**
iii. **Rakyat harus membantu kerajaan Malaysia dalam mengekalkan kedaulatan negara dengan menjadi telinga mata kepada negara**
iv. **Rakyat harus mengukuhkan perpaduan dan keharmonian masyarakat**

**Jawapan boleh wajar ATAU tidak wajar. 1 keputusan + 3 huraian = 4m.**
**答案可以选择应该 / 不应该. 1 个决定 + 3 个解释 = 4 分.**

**Contoh 7 :** Gambar di bawah berkaitan dengan kelestarian alam sekitar dalam amalan norma masyarakat global.

| | |
|---|---|
| <br> |  |
| **Gambar A** | **Gambar B** |

Berdasarkan gambar di atas, apakah **pilihan anda** ? Kenapa ? [3m]

Jawapan : **Saya pilih gambar A.** **kerana saya menjaga dan mengekalkan kelestarian alam sekitar. Saya juga menjaga kepentingan alam sekitar. Selain itu, saya mengelakkan kepupusan flora dan fauna. Saya mengamalkan amalan mesra alam. Perbuatan menggunakan barangan yang diperbuat dari kulit haiwan adalah sangat kejam.**

**Jawapan MESTI pilih A SAHAJA kerana bag dan baju dalam gambar B dibuat daripada kulit haiwan. Jawapan : 1 keputusan + 2 huraian = 3m. 答案一定只可以选择 A 图, 因为 B 图里的包包和衣服是用动物的皮毛做的. 1 个决定 + 2 个解释 = 3 分.**

**E Contoh soalan struktur yang berkaitan dengan domain moral / dimensi moral / pertimbangan moral / penaakulan moral / emosi moral / perasaan moral.**

| Dimesni Moral / Domain Moral 道德领域 / 范围 | |
|---|---|
| **Penaakulan Moral / Pertimbangan Moral 道德推理 / 道德理性 / 道德思考** | • **berfikir secara rasional 理性的思考 /**<br>• **bertenang 冷静 / bersabar 忍耐** |
| **Emosi Moral / Perasaan Moral 道德情感** | • **bangga / gembira / bersyukur 正面积极的情绪**<br>• **sedih / kecewa / marah 负面难过的情绪** |
| **Perlakuan Moral 道德行为** | • **tindakan yang positif / logik dan bermoral 积极逻辑向上向善** |


13 - Sinar Harian - Sunday, 07 December 2014

**Remaja perempuan ditahan kes buang bayi**

KUALA LUMPUR – Seorang remaja perempuan berusia 15 tahun ditahan reman selama tiga hari bagi membantu siasatan berhubung kes buang bayi di pangsapuri di Taman Sri Endah, Sri Petaling, di sini, Khamis lalu.

Ketua Polis Daerah Brickfields Asisten Komisioner Muhammad Azlee Abdullah berkata, pihaknya menyiasat kes itu daripada segenap aspek.

"Remaja itu dihantar ke Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) untuk rawatan lanjut," katanya.

Dia dipercayai mencampaknya dari tingkat tiga pangsapuri itu, selepas bimbang diketahui ahli keluarga lain.

Mayat itu ditemui seorang anggota Pasukan Skim Rondaan Sukarela (SRS) di tepi kereta.

Dia sedang meronda dan menyangka mayat bayi itu bungkusan sampah sebelum menghampirinya dengan niat mahu memmengutip dan membuangnya ke dalam tong sampah.

Bagaimanapun dia terkejut apabila menemui mayat seorang bayi perempuan cukup sifat dan masih bertali pusat dipercayai dicampak dari tingkat tiga.

Susulan itu dia menghubungi polis bagi memaklumkan kejadian itu.

| | |
|---|---|
| **Contoh 8 :** | Apakah perasaan anda apabila membaca keratan akhbar berikut ? Justifikasikan. [4m] |
| Jawapan : | **Marah / Sedih / Kecewa** |
| | **i. nilai-nilai murni semakin luput dalam kalangan remaja** |
| | **ii. bayi yang tidak berdosa dibuang / mati** |
| | **iii. manusia semakin tidak berperikemanusiaan / kejam** |
| | **iv. kelemahan penguatkuasaan undang-undang negara** |
| | v. **ibu yang membuang bayi tidak boleh dikesan / sukar dikesan** |

**Jawapan : 1 perasaan + 3 huraian = 4m. 1 个道德情感 + 3 个解释 = 4 分.**
同学们要解释为何伤心？

## F Soalan berkaitan dengan NILAI. 题目要求学生写出相关的道德价值观

| | |
|---|---|
| **Contoh 9i :** | Nyatakan nilai universal yang diamalkan oleh pelajar yang memderma kepada mangsa banjir di Kelantan. [2m] |
| Jawapan : | **i. Nilai kasih sayang** |
| | **ii. Nilai baik hati** |
| | **iii. Nilai rasional** |
| | iv. **Nilai kerjasama** |

**Jawapan : 2 nilai. Calon boleh tulis lebih dari 2 nilai.**同学们可以写超过 **2** 个道德价值观

| | |
|---|---|
| **Contoh 9ii :** | Huraikan nilai universal yang diamalkan oleh pelajar yang memderma kepada mangsa banjir di Kelantan. [2m] |
| Jawapan : | i. **Nilai kasih sayang. Pelajar yang menderma kepada mangsa banjir di Kelantan menunjukkan sikap prihatin / peka terhadap kesusahan yang dihadapi oleh mangsa banjir.** |
| | ii. **Nilai baik hati. Pelajar yang menderma kepada mangsa banjir di Kelantan peka terhadap keperluan mangsa banjir dengan memberikan bantuan secara ikhlas.** |
| | iii. **Nilai rasional. Pelajar yang menderma kepada mangsa banjir di Kelantan boleh berfikir kesusahan / kesukaran mangsa banjir dengan menderma wang kepada mereka.** |

iv. **Nilai kerjasama. Pelajar yang menderma kepada mangsa banjir di Kelantan melakukan usaha membantu mangsa untuk menjaga kebajikan mangsa banjir.**

**Jawapan : 2 nilai + 2 huraian / 1 nilai + 3 huraian / 3 nilai + 1 huraian = 4m. 2 个道德价值观 + 2 个解释 / 1 个道德价值观 + 3 个解释 / 3 个道德价值观 + 1 个解释 = 4 分.**
**Calon boleh tulis huraian kepada nilai yang dinyatakan (huraian = watak + maksud dari nilai + kaitkan dengan situasi soalan).同学们一定要写解释(解释=主角+道德价值观的意思+与题目要求的情况链接)**

**G Soalan meminta pelajar membuat rumusan / kesimpulan.** 题目要求学生做出结论

| | |
|---|---|
| Contoh 9 : | Tuliskan **rumusan / kesimpulan** dari maklumat yang diberi di atas. [1m] |
| Jawapan : | **Kita harus taat setia kepada negara agar negara kita aman dan damai.**<br>**Ibu bapa harus menyayangi anak-anak agar mereka boleh hidup dengan bahagia** |

Mesti ada **watak + tindakan + kesan** 一定要有主角 ＋ 行动 ＋ 后果

5. Pelajar juga perlu **menguasai pengetahuan am dan isu-isu semasa** serta **rajin membaca surat khabar untuk menguasai ilmu pengetahuan tambahan.**
同学们必须勤劳阅读报章以增加常识.

6. Bagi soalan jenis membuat keputusan / menyatakan domain moral / menyatakan pertimbangan moral / penaakulan moral / emosi moral / perasaan moral / tindakan moral, **calon mesti menyatakan keputusan / domain moral / penaakulan moral / perasaan moral / tindakan moral DAHULU, kemudian membuat huraian kenapa kamu bertindak sedemikian.**同学们一定得先写出决定 / 道德领域 / 道德推理 / 道德感受 / 道德行为, 过后才写出原因/解释来支持同学们为何会选择这么做/决定.

**Bahagian B (2 soalan esei; JAWAB 1 sahaja – 10m) 短篇作文**

1. Calon **dinasihatkan membaca kedua-dua soalan esei** dan memilih soalan yang calon paling **yakin untuk jawab**. 请阅读 2 题短篇作文,以便**选出自己最有把握作答的那一题**.

2. Satu soalan esei akan minta nilai univesal dan satu soalan tidak bertanya nilai universal.
2 题题目的差别就是有一题会提问道德价值观，而另外一题没有提问道德价值观.
   i. Soalan yang tanya nilai universal, jawab nilai universal (tulis nilai xxx. Nilai xxx. Nilai xxx......). tulis sehingga 5 nilai universal. Tetapi hanya terima 2 nilai universal yang betul sahaja. 如果选答提问道德价值观的短篇作文, 先写出 5 个同学们认为最对的道德价值观. 可是考官只是接受 2 个对的道德价值观而已.
   ii. Jika soalan TIDAK menanya nilai universal. JANGAN tulis NILAI dalam jawapan. Terus jawab kepada kehendak soalan. 如果题目没有提问道德价值观, 就直接作答. 不必写道德价值观.

(i) **Esei tanya tentang NILAI UNIVERSAL** 作文直接提问道德价值观

Jika esei tanya tentang nilai, semasa membaca, catatkan nilai universal yang bersesuaian. Calon boleh nyatakan 2 nilai universal dan menghuraikan 8 ayat huraian untuk dapat 10 markah.

Jawapan calon ialah **2 nilai + 8 huraian / 1 nilai + 9 huraian.**

同学们的答案是 **1-2** 个道德价值观**+ 8-9** 句解释

**Calon digalakkan menulis 5 nilai universal dan lebih dari 10 ayat huraian. Calon boleh tulis seberapa banyak huraian.**同学们可以写出 **5** 个道德价值观及超过 **10** 句解释**.** 能够写出多少解释的句子就写！只要是切题的句子就会得到分数**.**

(ii) **Esei TIDAK tanya tentang NILAI tetapi tanya tentang langkah, kesan, kepentingan, pengajaran, pendapat........**作文没有提问道德价值观. 作文提问关于方法，重要性，教训，意见等等**...............**

- Calon harus menerangkan tentang langkah, kesan, kepentingan, pengajaran serta pendapat dan membuat huraian lanjutan untuk idea / isi utama yang telah dinyatakan.
- **Jawapan calon ialah 2-3 idea utama dan menghuraikan 7-8 ayat huraian** untuk dapat 10 markah.写出 **2-3** 个论点并加以解释 **7-8** 句论据 **/** 切题的的句子**.**
- Calon boleh berikan jawapan lebih dari 10 ayat. **Calon boleh tulis seberapa banyak idea dan huraian.**可以写越多句子越好，但是必须是跟题目相关的 **/** 切题的**.**
- Calon boleh masukkan **NILAI yang sesuai** dalam jawapan huraian. Maksima terima 2 nilai.同学们也可以加入适合的道德价值观.如果考试局愿意接受的话，最多可以接受 **2** 个道德价值观**.**

(iii) **Esei membuat keputusan / domain moral** 做决定的作文 **/** 道德范围的作文

- Jika soalan minta calon **membuat keputusan** dan **minta alasan bagi keputusan** yang dibuat, maka calon **mesti memjawab / menyatakan keputusan dahulu, baru berikan alasan.** 一定要先做决定，过后才给答案；为何同学们做出这样的决定**.**
- Jika soalan minta calon jawab soalan **berdasarkan domain moral**, calon mesti menggunakan **kata kunci domain moral** untuk menjawab.如果题目提问关于道德范围,同学们一定得使用特定的关键字来作答.
- Setiap idea mesti disertai dengan 2 huraian / contoh. **1 keputusan + 3 idea + 6 huraian = 10 markah. 1** 个决定 **+ 3** 个论点 **+ 6** 个解释 **=10** 分
- Calon boleh beri jawapan lebihan. **Calon boleh tulis seberapa banyak idea dan huraian.** 同学们可以写出越多的解释越好，可以超过 **10** 句句子**.** 必须是相关的！
- Calon boleh masukkan **NILAI yang sesuai** dalam jawapan huraian. Maksima terima 2 nilai. 同学们也可以加入适合的道德价值观.如果考试局愿意接受的话，最多可以接受 **2** 个道德价值观**.**

**Bahagian C (2 soalan esei panjang; JAWAB semua – 40m)** 长篇作文

1. Terdapat 2 soalan esei panjang dalam bahagian C. Iaitu soalan 8a (10m) & 8b (10m) dan soalan 9a (10m) & 9b (10m). Calon HARUS JAWAB SEMUA SOALAN bahagian ini. C 项是长篇作文,共有 2 题及分支题. 那就是 8a (10 分) & 8b (10 分) 及 9a (10 分) & 9b (10 分). 同学必须回答所有 C 项的作文题.

2. Soalan bahagian ini boleh **rentas unit dan rentas tingkatan** (tingkatan 4 dan tingkatan 5). 这个部分的作文题可以跨越课程纲要的单元及等级**(**中四**&**中五**)**

3. Satu pecahan soalan esei akan minta nilai univesal dan satu pecahan soalan akan minta pengetahuan moral dari isi kandungan akademik dan pengeatahuan am.
其中一题分支题会提问道德价值观，而另外一题则会提问课程纲要或是其他常识问题.

4. Cara menjawab esei bahagian C adalah lebih kurang sama dengan soalan esei bahagian B.
C 项作文的作答方式可以参考 B 项的作文作答方式.

**Sila rujuk contoh soalan Pendidikan Moral yang diberi.请同学们参考道德试卷.**

## 5. Mengenal pasti kata kunci kehendak soalan

1. Calon mesti mengenal pasti kata kunci kehendak soalan. 同学们一定要确认题目的关键词.

2. Contoh kata kunci soalan dan jawapan 题目的关键词及答案

| | Kata kunci soalan | Jawapan |
|---|---|---|
| Ai | Nyatakan 说明 / namakan 提名 / senaraikan 列举 / cadangkan 建议 / ramalkan 预测 / tuliskan 写出 | • biasanya ada tanda nombor di bahagian ruang jawapan, contoh : i, ii, iii. 一般上这一类题目的答案部分会有准备编号 i, ii, iii 等.<br>• tulis jawapan ikut peruntukan markah 依据分数写出题目所要求的答案<br>• tidak perlu huraian 不需要做出解释<br>• peruntukan markah ialah 1m, 2m dan 3m. 分数规定在 1 分, 2 分或 3 分. |
| Aii | Takrifkan 论释@定义 / definisikan 定义 / terangkan maksud 解释含义 @意思 / apakah .....什么 | • mseti tulis maksud perkataan yang diminta. 一定要写出被要求定义的字面上含义<br>• Biasanya diperuntukan 2 markah. 一般上这类题目的分数是 2 分 |
| B i | Huraikan 概述 @ 详细说明 / bincangkan 讨论 / cerakinkan 分析 / jelaskan 解释 / terangkan 解释 / ulaskan 评论@分析 / komen 评论 / **Justifikasikan 辩解的理由** | • mesti tulis jawapan idea dan huraian bagi idea yang ditulis. 必须写出论点及解释论据<br>• jika ditanya dalam soalan struktur di bahagian A, biasanya markah yang diperuntukkan ialah 3 markah – 5 markah. 如果是在 A 项的题目 / 短文题目部分被提问,一般上分数在 3 分至 5 分之间.<br>• Jika ditanya dalam soalan bahagian B dan C iaitu soalan esei, markahnya ialah 10m. 如果是在 B 及 C 项的短篇作文及长篇作文里被提问,那么分数就是 10 分. |



| | | |
|---|---|---|
| ii | Berdasarkan nilai-nilai universal<br>根据普遍的道德价值观 | • Calon tulis nilai universal dalam jawapan. Jika dalam soalan bahagian A, tulis nilai ikut peruntukan markah. Jika dalam soalan bahagian B dan C, tulis sehingga maksima 5 nilai universal. 同学们写出道德价值观.如果是在 A 项, 同学们根据题目所提供的分数写出所要求的道德价值观. 如果是在 B 及 C 项的话,同学们在答案那里写出最多 5 个道德价值观. |
| C | membuat pendirian 表明立场 / membuat keputusan 做出决定 : | |
| i | Setujukah anda ? 是否同意? | • Setuju 同意/ Tidak setuju 不同意 |
| ii | Wajarkah? 是否应该? | • Wajar 应该/ Tidak wajar 不应该 |
| iii | Apakah pandangan / pendapat anda ? | • Menyokong 支持/membangkang 反对<br>• menjatuhkan hukuman yang berat 加重刑罚 / meringankan hukuman 减轻刑罚 |
| **D** | **Domain moral / dimensi moral 道德领域/道德范围** | |
| i | Penaakulan / pertimbangan moral<br>道德推理/道德理性 / 道德思考 | • berfikir secara rasional / Bertenang 冷静 / bersabar |
| ii | Emosi moral / Perasaan moral / Apakah ekspresi perasaan anda ?<br>道德情感 / 道德感受 | • bangga 光荣 / gembira 高兴 / bersyukur 感恩<br>• sedih 伤心 / kecewa 失望 / marah 生气 |
| iii | Perlakuan moral 道德行为 | • Tindakan / perbuatan bermoral yang anda boleh lakukan. (perlakuan yang positif, logik, membawa kebaikan kepada diri dan orang lain) 你可以做的有道德的行为, 积极,逻辑,向上向善,利人利己的行为 |
| E | faktor / punca / sebab 原因 / **kenapa / mengapa 为什么 ?** | • Sebab 原因 |
| F | kesan / akibat / implikasi / impak 后果 | • Kesan 后果 |
| G | strategi / usaha / tindakan / peranan / langkah / cara 方法 / **bagaimana 怎么样 / 如何?** | • Langkah 方法 |
| H | kepentingan / manfaat / faedah / kebaikan 好处 | • Kebaikan 好处 |
| I | Keburukan / kesan buruk 坏处 | • Keburukan 坏处 |
| J | Cabaran 挑战 / kekangan 阻力 | • Cabaran 挑战 |
| K | pengajaran / iktibar / teladan /contoh<br>得到的启发/学习到什么 | • Tulis apa yang telah calon dapat / belajar dari situasi soalan / perangsang soalan.同学们写出你们从题目中所学习的东西 / 知识 / 启示 |
| L | Membuat rumusan / kesimpulan<br>做出结论 | • Tulis rumusan (watak + tindakan + kesan positif) 写出结论 (主角+行为+正面的后果) |
| M | Justifikasikan 辩解的理由 / Berikan alasan anda ? 请给你的理由 / 原因 | • Beri jawapan sebab / alasan. 写出原因 / 理由 |
| N | Selain dari ....除了.....<br>Selain dari nilai bertanggungjawab dan nilai rasional 除了负责任及理性的思考<br>........contoh lain.....其他的 | • Jawapan calon tidak boleh tulis jawapan yang sudah dinyatakan dalam soalan. 同学们不可以写题目已经提供的答案了.<br>• Mesti tulis jawapan lain.<br>一定要写题目以外的答案 |

## 6. Tips Menjawab Soalan Moral SPM Dengan Penuh Keyakinan

- **Sebelum Peperiksaan 考试前**

1. Membaca buku teks / nota Moral tingkatan 4 & 5.读完中四及中五的道德课本 / 笔记
2. Mengenal pasti setiap unit buku teks Moral tingkatan 4 dan 5. **Unit yang dibelajari di tingkatan 4 adalah lebih kepada isu dalam negara** manakala **unit yang dibelajari di tingkatan 5 adalah lebih kepada isu global.** 必须非常清楚中四及中五课本里的课程纲要. **中四课程纲要是在国内而中五的课程纲要是在国际.**
3. Membaca surat khabar dan menguasai ilmu pengetahuan am.阅读报章以增加常识及知识
4. Membuat latihan yang secukupnya.做足够的练习
5. Ingat pesanan guru-guru Moral.记得道德老师的教导

- **Semasa Peperiksaan 考试时**

1. Senarikan 18 nilai universal.先写出 **18** 个道德价值观. **8K4B3HRPT**
2. Baca semua soalan dengan teliti.好好地阅读题目
3. Mengenal pastikan kehendak soalan dan lihat kepada peruntukan markah.
   找出题目的重点/需求,看看分数的分配.
4. Mengenal pastikan soalan meminta jawapan dalam bentuk nilai atau soalan pengetahuan am / isi kandungan akademik / isu semasa atau soalan yang memerlukan pelajar membuat keputusan.看看题目要求什么: 道德价值观, 常识, 课程纲要, 需不需要做决定....
5. **Untuk soalan di bahagian A, soalan struktur;**短文作答
   - Jika soalan meminta pelajar membuat keputusan / menyatakan perasaan, sila nyatakan keputusan / perasaan dahulu, baru memberi alasan kenapa anda bertindak sedemikian.
   - Jika soalan meminta **domain moral**, jawab dengan menggunakan kata kunci penaakulan, emosi dan perlakuan moral.
6. Jika tidak tahu menjawab sesuatu soalan, tinggalkan soalan tersebut dan teruskan kepada soalan lain. Bila sudah siap semua jawapan, baru balik kepada soalan yang susah tadi.
7. Sentiasa melihat kepada edaran masa, ingat, setiap soalan struktur mengambil masa 10 minit sahaja. 时刻留意时间的流逝,记得每个部分的时间安排及分配.
8. Tulis **beberapa jawapan tambahan** kepada setiap soalan. 每一题, 请多写几个你认为对的答案.
9. Untuk soalan di **bahagian B dan C**, soalan esei; 作文的题目,
   - **Kalau soalan tanya tentang NILAI, MESTI jawab NILAI**
     如果题目问道德价值观，就用道德价值观来作答.
   - 最多可以写 **5** 个道德价值观，把最对的 **3** 个写在最前面
   - **Kalau soalan tidak tanya tentang NILAI, masukkan NILAI yang bersesuaian.**
     如果题目没有提问道德价值观，同学们可以选择把适合的道德价值观写入答案里.
10. Menjawab dengan penuh keyakinan. 有信心地去作答,你一定可以的.
11. Sentiasa ingat kembali pesanan guru-guru Moral anda.

- **Selepas Peperiksaan 考试后**

1. Membaca semula jawapan yang ditulis.
2. Membuat semakan terakhir.
3. **Doakan supaya lulus dengan cemerlang !**祈祷考获卓越的成绩.

**Insan yang bermoral adalah seorang yang mempunyai pemikiran, pertuturan dan perlakuan yang positif, rasional dan logikal dari segi teori dan amalannya**

## 7. Perkara lain yang perlu diambil perhatian.

### A. Glosari 字汇表

| | |
|---|---|
| 1 | Konflik moral 道德冲突 / dilema moral 道德困境 |
| 2 | Menangani / menyelesaikan / mengatasi masalah... 解决问题 / membanteras 杜绝 |
| 3 | Mengelakkan 避免 |
| 4 | Mendorong / menggalakkan 促进 / 鼓励 motivasi 鼓励 |
| 5 | Mengeratkan hubungan 使关系更加好 |
| 6 | Merenggangkan hubungan 关系疏离 / 关系不好 |
| 7 | Meningkatkan kesedaran 提高醒觉 |
| 8 | Jika / kalau / jikalau 如果 |
| 10 | Terjejas 受损 terpengaruh 受影响 |
| 11 | Masalah 问题 |
| 12 | Pendapat 意见 / pendapatan 收入 |
| 13 | Mengurangkan 减少 / kekurangan 缺少 |
| 14 | Media massa 媒体@大众媒介 (surat khabar, televisyen, radio) |
| 15 | media sosial 社交媒体 (FB, whatsapp, wechat, instagram, telegram, twitter) |
| 16 | Wadah 管道 / platform 平台 |
| 17 | Saluran 管道 / 途径 |
| 18 | Aktiviti 活动 (mesti melibatkan ramai orang) 一定要有很多人参与的 |



### B. Cara mudah tulis jawapan tepat

**<u>TIPS IDEA / ISI FAKTOR DAN LANGKAH</u>**

**IDEA = Diri, keluarga, rakan, sekolah, masyarakat, kerajaan, media-massa**






**ISU 课题 : Budaya Hedonisme 享乐主义 / Jenayah siber /**

| Bil | Pihak | Faktor | Langkah |
|---|---|---|---|
| 1 | **Diri** | • Kelemahan Jati diri<br>• Kurang didikan agama dan moral | • mendengar nasihat ibu bapa<br>• Berpegang teguh kepada agama<br>• Mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah<br>• Bincang masalah dengan ibu bapa |
| 2 | **Keluarga** | • Keruntuhan institusi keluarga<br>• Kurang prihatin / kasih sayang ibu bapa | • Menasihat anak-anak<br>• Memantau anak-anak<br>• Mendidik anak-anak<br>• Memberi didikan agama |
| 3 | **Rakan** | • Pengaruh rakan sebaya | • Bijak memilih kawan |
| 4 | **Sekolah** | • ----- | • Pendidikan ....... |
| 5 | **Masyarakat** | • Pengaruh persekitaran | • Melapor kepada polis.......<br>• mematuhi undang-undang......<br>• memberi nasihat....<br>• menjadi telinga dan mata pihak berkuasa |
| 6 | **Media massa** | • Pengaruh media massa / media sosial | • Peranan media massa / media sosial |
| 7 | **Kerajaan** | • Kelemahan penguatkuasaan undang-undang | • menguatkuasakan undang-undang tentang..........<br>• memberi hukuman berat<br>• mengadakan kempen kesedaran tentang ............ |

Isi @ Idea yang boleh digunakan dalam kebanyakan soalan yang menanya **"Kesan" kepada diri**

i. imej diri terjejas
ii. masa depan gelap / terjejas
iii. hilang kepercayaan orang lain terhadap kita

Isi @ Idea yang boleh digunakan dalam kebanyakan soalan yang menanya **"Kesan" kepada negara / Malaysia**

| Bil | Isi / Idea | Huraian |
|---|---|---|
| 1 | **Imej negara terjejas** | • Imej negara dipandang rendah oleh pihak luar<br>• Hubungan kerajaan dengan negara luar terjejas |
| 2 | **Pertumbuhan ekonomi negara terjejas** | • Kegiatan ekonomi akan tergendala dan terhenti<br>• Pelabur tidak berminat untuk melabur di negara ini |
| 3 | **Pembangunan negara terjejas** | • Aktiviti pembangunan yang dirancang akan terganggu dan tidak lancar<br>• Menjejaskan kualiti hidup rakyat |
| 4 | **Kedaulatan negara terjejas** | • Campur tangan kuasa besar<br>• Tekanan untuk mengubah kepimpinan |

Isi @ Idea yang boleh digunakan dalam kebanyakan soalan yang menanya **"Kesan negatif" 负面的后果 secara umum**

| Bil | Isi / Idea | Huraian |
|---|---|---|
| 1 | **Imej negara terjejas** | • Imej sesebuah negara akan terjejas kerana negara luar akan memandang rendah kepada negara yang bermasalah.<br>• Rakyat negara lain kehilangan kepercayaan kepada negara kita |
| 2 | **Masalah sosial meningkat** | • Remaja yang kurang kasih sayang dari ibu bapa akan melibatkan diri dalam pelbagai masalah sosial<br>• Seperti lumba haram, budaya lepak, ketagihan permainan komputer dan sebagainya.<br>• Mereka akan melakukan masalah sosial untuk menarik perhatian ibu bapa |
| 3 | **Kadar jenayah meningkat** | • Pendatang Asing Tanpa Izin yang masuk secara tidak sah, sebahagiannya yang mungkin merupakan bekas penjenayah di negara asal akan melakukan masalah yang sama di negara baru<br>• Kedatangan mereka yang masuk secara haram akan membawa kesan jenayah yang tidak baik seperti melakukan jenayah ragut, rogol, rompakan atau bunuh.<br>• Hal ini menyusahkan kerajaan Malaysia. |

**Masalah / gejala sosial 社会弊病 : budaya lepak 游荡文化, ponteng sekolah, merokok, vandalisme, lumba haram / mat rempit, mat lajak**
**Jenayah 刑事 : merompak, merogol, membunuh.**

Isi @ Idea yang boleh digunakan dalam kebanyakan soalan yang menanya **kebaikan / kepentingan / Kesan positif 正面的后果 kepada negara**

1. Menjana / meningkatkan pendapatan negara
2. meningkatkan peluang pekerjaan
3. Mempertingkatkan infrastruktur negara
4. Menggalakkan penyelidikan dan pembangunan negara
5. Meningkatkan imej negara



**Baca Nota Pendidikan Moral Ting 4 dan Ting 5 KSSM**

